

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL
(JELEBU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.06.2015

Y.B. DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL [JELEBU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) apakah Kerajaan sudah mempunyai satu ketetapan atau pendirian berkaitan dengan cadangan untuk melanjutkan had umur caruman wang simpanan pekerja kepada umur 60 tahun dan apakah rasional kepada cadangan tersebut; dan
- (b) pendirian Kerajaan berhubung dengan permintaan CUEPACS agar 252 skim gaji kakitangan awam dikaji semula untuk dinaikan dan bilakah tarikh akhir tangga gaji penjawat awam disemak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

a. Berdasarkan semakan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sehingga 31 Disember 2014, sebanyak 68% ahli yang berumur 54 tahun mempunyai simpanan RM50,000 dan ke bawah. Dengan mengambil kira perbelanjaan asas sebanyak RM820 sebulan (iaitu paras gaji minimum pencen Kerajaan), simpanan RM50,000 ini hanya boleh bertahan selama lebih kurang lima (5) tahun sahaja berbanding dengan 20 tahun tempoh persaraan setelah mengambil kira jangka hayat umur rakyat Malaysia sehingga 75 tahun.

Rasional KWSP memperkenalkan inisiatif untuk menaikkan had pengeluaran penuh dari 55 tahun kepada 60 tahun adalah bagi menangani isu-isu berkaitan ketidakcukupan simpanan persaraan di kalangan ahli KWSP dalam jangka panjang. Ini antara lain disebabkan oleh faktor jangka hayat dan tempoh persaraan yang semakin meningkat, peningkatan kos sara hidup, wang simpanan tidak mencukupi untuk menampung tempoh persaraan serta kesedaran dan pengetahuan tentang kepentingan perancangan kewangan dan persaraan.

Untuk makluman Yang Dipertua dan Ahli Yang Berhormat, ahli KWSP yang mencapai kuantum simpanan asas sehingga 31 Disember 2014 adalah

seperti berikut:-

- Sebanyak 18% daripada 14.19 juta keseluruhan ahli KWSP yang mencapai kuantum simpanan asas mengikut umur;
- Sebanyak 33% daripada 6.69 juta ahli aktif yang mencapai kuantum simpanan asas mengikut umur; dan
- 22% daripada 6.69 juta ahli aktif yang mencapai kuantum simpanan asas berumur 54 tahun.

Ini bermakna, ramai ahli KWSP yang tidak akan mempunyai simpanan yang mencukupi untuk menampung keperluan persaraan apabila mencapai umur 55 tahun kelak manakala hampir 50% ahli KWSP yang telah membuat pengeluaran penuh dan menghabiskan simpanan mereka dalam tempoh 5 tahun. Ini secara tidak langsung akan membebankan mereka di hari tua sekiranya tidak mempunyai pendapatan lain setelah bersara.

Berdasarkan alasan-alasan tersebut, KWSP memperhalusi cadangan untuk menyelaras pengeluaran penuh pada umur persaraan minimum 60 tahun. Susulan itu, KWSP telah melaksanakan rundingan awam bermula pada 21 April 2015 hingga 5 Mei 2015 bagi mendapatkan maklum balas ahli mengenai cadangan tersebut dan inisiatif lain bagi mempertingkatkan

perkhidmatan semasa KWSP.

Ahli KWSP diberi pilihan terhadap penyelarasan umur pengeluaran penuh dengan umur persaraan minimum yang ditetapkan oleh Kerajaan dan hasil rundingan mendapat maklum balas yang menggalakkan. Keputusan rundingan menunjukkan sokongan terhadap pilihan mengekalkan pengeluaran penuh pada umur 55 tahun. Kerajaan juga pada 23 April 2015 telah mengumumkan bahawa umur pengeluaran penuh simpanan ahli dikekalkan pada umur 55 tahun manakala caruman baru bagi ahli yang masih bekerja selepas umur 55 tahun boleh dikeluarkan pada umur mereka 60 tahun.

KWSP akan memastikan sebarang pindaan atau keputusan yang dibuat adalah mengambil kira kepentingan ahli dan semua pihak berkepentingan utama. Langkah ini adalah bagi memastikan KWSP terus memainkan peranannya sebagai pemangkin kepada pembangunan ekonomi negara selaras dengan kedudukannya sebagai institusi simpanan terkemuka di Malaysia.

b. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan dari semasa ke semasa senantiasa menjalankan kajian dan semakan terhadap gaji penjawat awam secara keseluruhannya (yang meliputi 252 skim perkhidmatan) dan

pelaksanaannya adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan. Kali terakhir penambahbaikan struktur gaji penjawat awam dibuat adalah pada tahun 2013.